

KOMPETENSI GURU BAHASA ARAB DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI SEKOLAH RENDAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Noor Shamshinar binti Zakaria¹
Dr. Abdul Razif bin Zaini
Dr. Ahmad Zabidi bin Abdul Razak
Dr. Mohamad Rushdan Hj Azizan
Hasmadi Hamdan
Rofian ismail
Mohd Redzauddin Ghazali
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan tentang kompetensi guru yang merupakan faktor yang penting bagi menjayakan segala matlamat pendidikan. Kompetensi guru amat diperlukan di dalam melaksanakan dasar sedia ada dan juga dasar-dasar baharu. Tanpa tahap kompetensi yang baik, matlamat dan dasar pendidikan sukar untuk direalisasikan. Terdapat lima domain kompetensi guru yang dikemukakan iaitu yang mencakupi (i) pedagogi, (ii) kurikulum, (iii) penilaian, (iv) profesionalisme dan (v) bahasa yang dibincangkan dalam kertas kerja ini. Fokus kertas kerja ini ialah kompetensi guru-guru bahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab termasuklah perkara yang berkaitan dengan personal, profesional dan sosial seperti pengajaran, kepakaran dalam subjek, kepakaran dalam teori yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran, menguruskan proses pembelajaran, adaptasi dalam komuniti dan personaliti. Justeru, kertas kerja ini akan menggariskan satu matlamat iaitu untuk menjadikan guru bahasa Arab yang berpotensi tinggi dalam pengajaran bahasa Arab yang berkesan serta dapat menjadikan pendidikan bahasa Arab di Malaysia sebagai pendidikan bertaraf dunia.

Kata Kunci: *Kompetensi guru, pedagogi, kurikulum, penilaian, profesionalisme, bahasa*

PENGENALAN

Kompetensi menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah kelayakan, kepimpinan, kesanggupan dan kecekapan dalam melaksanakan sesuatu tugas. Kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu bagi melaksanakan tugas atau tanggungjawab (Mohammed Sani et al. 2015). Kompetensi merupakan satu bentuk piawaian yang menggabungkan aspek pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu dimiliki dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan mahupun jawatan (Daud Ibrahim, 2003).

¹ shamshinar@kuis.edu.my

Kompetensi sering dianggap sebagai piawaian yang menentukan prestasi perkhidmatan seseorang pegawai dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang disandang (Mohammed Sani Ibrahim et al, 2015). Dalam konteks pendidikan pula, kompetensi merupakan suatu ukuran yang ditetapkan bagi seseorang guru dalam menguasai pelbagai peringkat kompetensi yang diperlukan untuk memenuhi aspirasi pelajar dan masyarakat. Guru merupakan tunjang kepada sistem pendidikan. Guru juga adalah pelaksana segala dasar dan matlamat kurikulum. Tanpa penglibatan dan sokongan guru, segala perancangan pendidikan yang telah disediakan tidak dapat dilaksanakan secara sempurna.

Justeru, guru pada hari ini memainkan peranan penting iaitu sebagai agen perubahan yang mendidik dan melahirkan generasi yang akan datang. Guru juga harus memainkan peranan secara aktif dan melaksanakan tanggungjawabnya sebagai tenaga profesional sesuai dengan tuntutan masyarakat dan teknologi yang semakin berkembang. Mereka bertanggungjawab untuk mewujudkan pengajaran berkesan agar maklumat yang disampaikan adalah bermakna, menarik minat serta mudah untuk diingati dan diaplikasikan. Kejayaan ataupun kegagalan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas bergantung sepenuhnya kepada tahap kompetensi guru (Mohammed Sani Ibrahim, Ahmad Zabidi dan Husaina Banu (2015).

PENYATAAN MASALAH

Perkembangan pendidikan bahasa Arab juga memerlukan kualiti pengajaran guru kerana keperluan semasa dalam sektor pendidikan semakin hari semakin berkembang selari dengan teknologi. Oleh itu, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan perlu mengambil kira faktor penggunaan teknik penyampaian pengajaran yang dapat menarik perhatian dan merangsang minat pelajar sama ada di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah. Guru dan pengajaran yang berkesan sangat penting untuk mendapatkan pembelajaran yang baik (Noor Hisham Md Nawi, 2011).

Menurut Awang Had (1998), satu teori lazim dalam pendidikan ialah kualiti guru terletak pada kompetensi guru dan guru pula menentukan kualiti dan pencapaian murid dalam pembelajaran. Begitu juga kenyataan yang dikeluarkan oleh KPM, 2006 yang menunjukkan bahawa hanya mereka yang mempunyai kualiti, ketrampilan, kewibawaan, kelayakan, minat, iltizam dan berjiwa pendidik layak menjadi guru.

Namun, bilangan murid yang gagal dalam peperiksaan mata pelajaran bahasa Arab amat tinggi dan lebih teruk berbanding murid-murid zaman dahulu walaupun dalam keadaan buku teks yang lebih baik, kurikulum yang lebih mantap dan guru yang lebih berkelayakan (Mohd Rosdi Ismail & Mat Taib Pa, 2006). Penilaian Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) terhadap kompetensi guru dalam menyampaikan peranan utama iaitu mengajar masih belum mencapai tahap yang boleh membanggakan. Begitu juga penilaian terhadap PdP guru, didapati bahawa majoriti guru menyampaikan pengajaran dalam bentuk sehala dan berpusatkan guru. Manakala aktiviti yang dijalankan tidak dirancang dengan baik serta tidak mengikut

kebolehan pelajar. Ini menyebabkan guru tidak dapat menarik perhatian pelajar semasa PdP (Jabatan Pelajaran Sarawak, 2011; KPM, 2013b).

Oleh yang demikian, kompetensi dianggap sebagai piawai yang menentukan prestasi perkhidmatan seorang guru dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang disandang. Dalam pengajaran dan pembelajaran, kompetensi merupakan suatu ukuran yang ditetapkan bagi seorang guru dalam menguasai pelbagai peringkat kompetensi yang diperlukan untuk memenuhi aspirasi pelajar dan masyarakat.

Terdapat lima (5) domain kompetensi yang akan dibincangkan dalam kertas kerja ini yang merupakan keperluan kepada guru-guru bahasa Arab. Aspek-aspek dan ciri-ciri yang terdapat dalam setiap kompetensi tersebut mampu menjadi kayu ukur penentuan tahap kebolehan, keupayaan dan kecekapan seseorang guru bahasa Arab.

1. PEDAGOGI

Kaedah pengajaran merupakan cara yang paling berkesan untuk mencapai sesuatu objektif pembelajaran. Dalam penyampaian sesuatu pengajaran, tidak kira sama ada pembelajaran dan pengajaran itu melibatkan bahasa ibunda mahupun bahasa asing, para guru digalakkan untuk mempelbagaikan kaedah pembelajaran yang sesuai agar dapat menarik minat para pelajar. Pengajaran bahasa Arab sebagai contoh, memerlukan kaedah yang tersendiri bagi memudahkan kefahaman pelajar di samping memaksimumkan kemahiran yang diperolehi (Wan Azura & Lubna Abd Rahman, 2006). Oleh itu, guru dan pengajaran yang berkesan sangat penting untuk mendapatkan pembelajaran yang baik (Noor Hisham Md Nawi, 2011).

Para guru perlulah membuat perancangan yang teliti berhubung dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Menurut Abu Hassan dan Meor Ibrahim (1997), matlamat utama sesuatu pengajaran adalah untuk menggerakkan pelajar supaya belajar. Justeru, guru perlu merancang pengajarannya lebih awal, dengan teliti dan menggunakan pendekatan dan strategi yang sesuai. Selain itu, Azizah Lebai Nordin (1999) turut menyatakan bahawa untuk menjadi guru yang berkesan, seorang guru perlu menguasai ilmu dan mempunyai persediaan supaya guru dapat mengajar dengan berkesan dan mempelbagaikan kaedah dan strategi pengajarannya.

Ahmad Mohd Salleh (2008) mendefinisikan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) sebagai satu dokumen perancangan pengajaran yang mengandungi maklumat lengkap mengenai pelaksanaan sesuatu pengajaran yang akan dilaksanakan oleh guru. Penyediaan RPH dikatakan nadi utama yang menggerakkan seorang guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan baik dan berkesan

Persediaan ini penting bagi membantu guru membina keyakinan diri ketika melaksanakan proses PdP. Bagi Ibrahim Mamat (1998), guru-guru dikehendaki menggunakan pengetahuan dan kaedah yang relevan untuk mencapai objektif pengajarannya. Guru-guru tidak harus terikut-ikut cara dan kaedah pengajaran yang lampau seperti cara pengajaran dan pembelajaran tradisional dalam mendepani kebolehan dan daya imaginasi pelajar zaman siber ini.

Bagi merealisasikan penggunaan cara dan kaedah yang sesuai dan berkesan, seorang guru wajar menggunakan pendekatan yang diyakini efektif dan berjaya. Menurut Salleh Mohd Akib, Ismail Idris & Hamzah Mahmood (1977), proses pengajaran dan pembelajaran yang diyakini berkesan jika ia dilaksanakan mengikut falsafah dan andaian tertentu serta melibatkan pelbagai kaedah. Magdeline & Zamri (2014) turut menyatakan bahawa pembelajaran murid yang berkesan selalu dikaitkan dengan pengajaran guru yang berkesan.

Sementara itu menurut Kamaruddin Hj. Husin (1995) penggunaan alat bantu mengajar dapat memperjelaskan pengajaran guru dan berupaya menambahkan kelancaran pengajaran mereka. Heinich (1993) yang mengatakan bahawa komputer dapat memperkayakan teknik pengajaran.

Begitu juga strategi sosial amat sesuai diterapkan dalam kalangan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Murid-murid akan bertindak balas dengan persekitarannya untuk meningkatkan kemahiran sosial terutama dalam proses pemerolehan bahasa. Persekitaran yang 'hidup' sangat penting dalam kerangka mewujudkan suasana pembelajaran aktif dalam kalangan murid (Kamaruddin, 1997).

Kesimpulannya, setiap guru perlu mempunyai persediaan ilmu pengetahuan yang luas dan khusus seperti menguasai ilmu pengetahuan dalam teori pembelajaran dan psikologi manusia agar pengajarannya sesuai dengan situasi dan kehendak pelajar serta penggunaan kaedah dan teknik mengajar yang memudahkan pelajar menjalankan aktiviti pembelajaran mereka. Kepelbagaian alat bantu mengajar terutamanya yang berbentuk visual atau multimedia sangat membantu pemahaman pelajar dan minat mereka di samping mewujudkan interaksi yang positif sewaktu pengajaran dan pembelajaran.

2. KURIKULUM

Dari sudut kurikulum, kompetensi guru diukur berdasarkan profesionalisme keguruan dan kemampuannya dalam menguasai mata pelajaran yang diajar selain penguasaan terhadap perancangan pembelajaran, keterkaitan dengan mata pelajaran, dan bahan ajar. Sebagai contoh, guru bahasa Arab harus menguasai segala material yang berkaitan bahasa Arab, baik Fonologi, Sintaksis, Morfologi, Balaqah, semantik, sejarah kebudayaan Arab, dan ilmu-ilmu bahasa Arab lain agar mampu menerapkan materi dalam sehari-hari, dan mampu membuat hubungkait yang baik dengan mata pelajaran yang di ajar (Drs. Sardjono, 2012). Beare (2001) telah mengenal pasti kompetensi minimum bagi guru terhadap lima komponen utama antaranya ialah kurikulum. Komponen kurikulum menuntut guru agar menguasai pengetahuan tentang isi kandungan kursus yang diajar (kepakaran subjek) dan ia mestilah sentiasa dikemas kini.

Menurut Standard Kompetensi Guru di British Columbia, Kanada pula, pendidik yang profesional perlu mempunyai pengetahuan yang luas dan mendalam tentang mata pelajaran yang diajar. Guru tersebut dilabel berkompeterensi dalam bidang kurikulum apabila mahir berkomunikasi dengan fasih sama ada di dalam bahasa Inggeris atau bahasa Perancis. Di samping itu, mereka juga memahami konsep asas

dan struktur mata pelajaran yang diajar dan juga memahami bagaimana pengetahuan tentang mata pelajaran dibina, disusun dan berkaitan dengan bidang yang lain.

Berdasarkan Standard Kompetensi Pendidik Guru (Teacher Educators) di Netherland, kompetensi kandungan diletakkan dalam kelompok Kompetensi Umum. Melalui Kompetensi Kandungan iaitu kurikulum, guru boleh mendapat dan mengekalkan pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang masing-masing seperti kandungan mata pelajaran yang diajar, pedagogi kandungan dan juga teori pendidikan. Selain itu, guru dapat mengintegrasikan amalan pengajaran yang kompleks yang meliputi isi kandungan, pedagogi, teori pendidikan, pembelajaran dan perkembangan psikologi kepada satu disiplin yang terancang dan teratur.

Kesimpulannya, guru yang kompeten dalam bidang kurikulum perlulah memahami struktur dan fungsi kurikulum dalam pendidikan dan implikasinya terhadap pengajaran dan pembelajaran selain mengetahui konsep utama isi kandungan dan proses inkuiri yang merupakan intipati kepada proses-proses pembelajaran berikutnya, di samping melibatkan diri dalam perkembangan dan pengurusan kurikulum khususnya dalam pembangunan dan pengurusan polisi kurikulum di dalam persekitaran sekolah mereka.

3. PENILAIAN

Kompetensi penilaian merupakan salah satu standard kecekapan yang perlu dimiliki oleh seseorang guru. Kompetensi penilaian meliputi aspek pengetahuan dan kemahiran kritikal terhadap proses penilaian PdP dan ia seharusnya dikuasai oleh mereka yang bergelar pendidik. (National Education Association, 1990)

Kompetensi penilaian merujuk kepada kecekapan seseorang guru menilai kerja pelajar serta menganalisis data yang dikumpulkan daripada pelbagai sumber penilaian. (Mohammed Sani, Ahmad Zabidi, Husaina Banu, 2015). Ia juga dilihat sebagai satu proses untuk mendapatkan maklumat bagi sesuatu pembelajaran dan pengajaran sebagai suatu usaha memperbaiki dan mempertingkatkan kaedah dan teknik PdP supaya lebih berkesan (Saedah Siraj & Mohammed Sani, 2012).

Menurut Morana (2013), dalam konteks pembelajaran bahasa, kompetensi penilaian sangat berkait rapat dengan kecekapan guru mengukur dan menilai kemampuan pelajar khususnya aspek bertutur. Kompetensi ini menuntut kecekapan guru dalam menilai kerja pelajar dan kemajuan mereka, membuat laporan, melapor secara konstruktif kepada ibu bapa, menyimpan rekod kemajuan serta mencari penanda aras bagi kemajuan tersebut (Mohammed Sani, Ahmad Zabidi, Husaina Banu, 2015).

Secara amalnya, guru menggunakan pelbagai bentuk penilaian untuk mendapatkan maklumat berkaitan PdP. Maklumat ini boleh diperolehi daripada pelbagai sumber termasuk ujian pra, ujian setara, portfolio, kajian kes, inventori, bidang pelajaran, dan sebagainya (Mohammed Sani, Ahmad Zabidi, Husaina Banu, 2015).

Rohaya Talib & Mohd Najib (2008) menjelaskan bahawa pengetahuan guru terhadap aspek ini tertumpu kepada lima kemahiran iaitu mahir dalam kaedah pentaksiran, kaedah pengukuran, pengujian, penskoran dan pengredan serta statistik dan pelaporan. Maklumat ini diinterpretasi bagi tujuan pelaporan kepada ibu bapa dan pihak-pihak yang berkaitan dan ia sangat berguna dalam usaha memantapkan proses PdP pada masa akan datang (Mohammed Sani, Ahmad Zabidi, Husaina Banu, 2015). Ketidakecakapan guru dalam aspek penilaian membawa kepada beberapa implikasi iaitu (i) penghasilan pelajar menjadi tidak adil, (ii) guru tidak dapat mencungkil prestasi sebenar pelajar dan (iii) laporan pelajar yang dihasilkan tidak tepat untuk dipersembahkan kepada ibu bapa.

Kompetensi penilaian yang diperoleh daripada beberapa standard kompetensi guru luar negara memecahkan kompetensi ini kepada beberapa domain utama. Carlo Magno (2013) menjelaskan kompetensi penilaian perlu meliputi aspek perancangan, penilaian dan pelaporan. Tahap kompetensi penilaian guru ditentukan melalui perancangan guru terhadap kaedah penilaian, keupayaan menggunakan data yang dikumpulkan dan cara atau teknik bagaimana pelaporan itu diajukan kepada ibu bapa, pihak sekolah dan pentadbir serta kepada pelajar itu sendiri.

4. PROFESIONALISME

Kompetensi profesionalisme keguruan merupakan salah satu perkara penting yang perlu dimiliki oleh setiap guru. Profesionalisme keguruan merupakan salah satu faktor penyebab sesuatu pengajaran itu berjaya. Tambahan pula, dengan memiliki aspek profesionalisme keguruan dalam diri, para guru dapat menghasilkan pengajaran yang berkesan dan berkualiti. (Hyvärinen, K., Saaranen, T., & Tossavainen, K., 2015)

Kompetensi profesional guru menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah kompetensi yang perlu dibangunkan secara terus agar para guru sentiasa menjunjung etika keguruan dan mempunyai integriti profesional yang tinggi dalam menghasilkan dan meningkatkan kemenjadian murid. Tiga elemen utama kompetensi profesional yang telah digariskan oleh KPM adalah (i) nilai profesional, (ii) pengetahuan, dan (iii) kemahiran.

Setiap guru menurut KPM perlu memperoleh dan menguasai pengetahuan, kemahiran serta meningkatkan amalan nilai profesional mereka (Panduan Pelaksanaan Program Pembangunan Guru Baharu, 2015). Menurut satu kenyataan laporan yang dipetik daripada akhbar BERNAMA (2012), profesionalisme perguruan merupakan fokus utama dalam mengubah sistem pendidikan masa kini. Hal ini sejajar dengan kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang menyatakan terdapat tiga perkara utama yang perlu diberi perhatian dalam usaha mentransformasi pendidikan negara. Perkara tersebut adalah (i) bidang profesionalisme perguruan, (ii) aspirasi rakyat terhadap sistem pendidikan dan (iii) kemenjadian murid.

Amalan profesionalisme guru sama ada guru lama atau baharu dapat dipertingkatkan menerusi motivasi guru itu sendiri dan sokongan dari pelbagai pihak di sekeliling mereka. Motivasi guru termasuklah keazaman, kesungguhan

serta kesedaran guru terhadap bidang profesion mereka. Kajian yang telah dilakukan mendapati antara perkara yang menjadi sumber para guru dalam meningkatkan tahap profesionalisme keguruan adalah buku, internet, rakan sekerja, guru berpengalaman dan mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu. Memetik pernyataan Rogers dan Babinski (1999) yang turut menyatakan pembangunan profesionalisme keguruan seseorang guru dapat dipertingkatkan melalui perbincangan dengan rakan-rakan sejawat yang lain. Melalui perbincangan tersebut mereka dapat bertukar-tukar fikiran dan mengetahui masalah yang dihadapi oleh rakan-rakan mereka. Dalam masa yang sama, mereka akan bersama memikirkan kaedah dan cara dalam menyelesaikan masalah tersebut dengan sempurna (Aziah Ismail, Noraini Haron & Abdul Ghani Kaneson, 2013).

Menurut Saedah Siraj dan Mohammed Sani (2012) guru yang profesional yang dipetik daripada Beare (2001) adalah guru yang dapat mengamalkan profesion perguruan dengan menyertai (i) perkembangan profesional, (ii) aktif dalam aktiviti profesional, (iii) menyumbangkan pembangunan dalam profesion perguruan dan asas kemahiran serta (iv) bersedia untuk membantu secara profesional. Hal ini turut dipersetujui oleh Hedley yang menyatakan guru yang berkemampuan itu perlu menyumbangkan aspek profesionalisme mereka melalui amalan terhadap profesion keguruan, perkongsian ilmu dan bertingkah-laku sebagai seorang yang profesional (Esmali Bari & Sufean Hussin, 2014).

Seperti mana yang kita ketahui, untuk melayakkan diri kita menjadi seorang guru yang bersifat profesional kita perlu menerima latihan dan pendidikan pembangunan yang ditawarkan oleh pihak kementerian mahupun sekolah. Oleh itu, program pendidikan guru adalah penting bagi membekalkan guru dengan kemahiran profesional agar mereka dapat menyampaikan tugas dengan lebih baik dan berkesan. Memetik pernyataan Neil (2002) yang menyatakan seseorang ahli profesional perlu mengikuti latihan tertentu untuk menguasai dan memiliki kemahiran-kemahiran dalam sesuatu profesion (Syed Jaafar, 2014). Hal ini turut dipersetujui oleh Neimi (2011) yang menyatakan guru memerlukan banyak kemahiran praktikal yang membolehkan mereka menjadi pengantara akademik yang berkeyakinan dan berprofesional terhadap pelajar.

Richard (2010) dalam artikelnya berkenaan kompetensi profesionalisme guru bahasa Inggeris menyatakan, seseorang guru yang mengajar subjek bahasa bukanlah guru yang hanya tahu menurut bahasa tersebut, malah guru bahasa tersebut perlu memiliki kemahiran pengetahuan yang dimiliki melalui akademik dan pengalamannya.

Oleh itu, untuk menjadi guru yang berkualiti dan berkesan dalam menyampaikan pengajaran, para guru sama ada baharu atau berpengalaman perlulah bersifat lebih inovatif dan efektif serta senantiasa mempersiapkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan yang pelbagai dalam menyampaikan pengajaran yang berkesan.


5. BAHASA

Kompetensi guru dari sudut bahasa adalah tahap kemampuan atau kebolehan seseorang guru dalam menguasai pembelajaran bahasa dan kemahiran komunikasinya dalam menuturkan bahasa tersebut. Secara umumnya terdapat beberapa kriteria yang perlu dinilai dalam mengukur kompetensi guru tersebut.

Menurut Wichadee (2009) dan Nunan (1999) seorang guru bahasa yang kompeten perlulah mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang bahasa yang diajarnya dan guru tersebut juga perlu tahu bagaimana melaksanakan proses PdP dengan cara yang berkesan. Hal ini turut dipersetujui Brown & Rodgers (2002) yang turut berpendapat seorang guru bahasa yang berkesan perlulah mempunyai kemahiran dalam menjalankan proses PdP secara umum dengan menggunakan pendekatan yang berkesan. Selain itu, guru itu juga perlu mempunyai pengetahuan yang kreatif tentang metode atau kaedah mengajar subjek bahasa tersebut. Brosh (1996) pula melihat di antara ciri-ciri yang diperlukan oleh seorang guru bahasa yang kompeten adalah (i) mempunyai pengetahuan dan kemampuan dalam bahasa sasaran, (ii) mempunyai kemampuan dalam menyusun, memberi penerangan, dan menjelaskan bahasa tersebut (iii) dapat menarik perhatian pelajar dan (iv) memberi motivasi kepada pelajar dengan menjalankan aktiviti-aktiviti bahasa yang berkesan. Dalam mengukur tahap keberkesanan seseorang guru bahasa itu dalam proses PdPnya, guru bahasa itu dianggap berjaya apabila PdPnya menarik minat para pelajar.

KERANGKA KONSEPTUAL

Kerangka konseptual di bawah merujuk kepada lima domain kompetensi yang dianggap memberi kesan utama dalam melahirkan guru bahasa asing yang berkompeten. Dalam kajian ini, kompetensi-kompetensi tersebut adalah (i) Pedagogi, (ii) Kurikulum, (iii) Penilaian, (iv) Profesionalisme, dan (v) Bahasa.



Rajah 1: Kerangka konseptual berkaitan kompetensi yang diperlukan oleh guru bahasa asing.

KESIMPULAN

Kompetensi guru merupakan faktor yang penting bagi menjayakan segala matlamat pendidikan yang ditetapkan oleh KPM. Kompetensi guru diperlukan di dalam melaksanakan dasar sedia ada dan diperlukan untuk melaksanakan dasar baharu. Tanpa tahap kompetensi yang baik, matlamat pendidikan untuk merealisasikan dasar tersebut sukar dicapai. Mohammed Sani Ibrahim, Ahmad Zabidi dan Husaina Banu (2015) menegaskan bahawa kejayaan ataupun kegagalan proses pengajaran pembelajaran di dalam kelas bergantung sepenuhnya kepada tahap kompetensi guru.

Masih terdapat banyak lagi kompetensi-kompetensi dalam aspek pendidikan yang telah dibawa oleh penulis-penulis dan pengkaji-pengkaji lepas. Akan tetapi, artikel ini hanya menitikberatkan kompetensi umum dan memfokuskan kepada pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab. Untuk menjadi seorang guru bahasa Arab yang berkemampuan, guru tersebut perlulah menguasai segala aspek dan ciri-ciri yang terdapat dalam setiap kompetensi yang telah dibincangkan sebelum ini. Sekiranya, para guru memahami dan menguasai aspek kompetensi yang telah

dibawakan oleh penulis, sudah pasti matlamat yang telah digariskan oleh pihak KPM dapat dilaksanakan secara sempurna.

RUJUKAN

- Abu Hassan dan Meor Ibrahim. (1997). Latihan mengajar : Apakah persediaan guru pelatih? Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Awang Had Salleh. (1998). *Latihan perguruan untuk sekolah berkesan*. Pembentangan dalam Seminar JPPG 1998: Pendidikan Guru Untuk Sekolah Berkesan, Universiti Malaya.
- Aziah, I., Noraini, H., & Abdul Ghani, K. (2013). Amalan Pembangunan Profesionalisme Dalam Kalangan Guru-Guru Novis. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 53, 1689–1699. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Azizah Lebai Nordin (1999), Guru Pendidikan Islam yang Berkesan. Masalah Pendidikan. Jilid 22. Kula Lumpur : Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya
- BERNAMA. (19 Jun, 2012). *PROFESIONALISME PERGURUAN JADI FOKUS UTAMA TRANSFORMASI PENDIDIKAN*. Retrieved 4 November, 2016, from 1 Klik: <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/pendidikan/13446-profesionalisme-perguruan-jadi-fokus-utama-transformasi-pendidikan.html>
- Brosh, H. 1996. Perceived characteristics of the effective language teacher. *Foreign Language Annals*, 29 (2) 125-138.
- Drakuli, M. (n.d.). Foreign language teacher competences as perceived by English language, (1973), 158–165. <https://doi.org/10.15503/jecs20131-158-165>
- Drs. Sardjono, M. (22 Disember, 2012). *MAKALAH KOMPETENSI PROFESIONAL GURU*. Retrieved from Rangkaian Pendidikan Agama Islam: <http://fajriamentari.blogspot.my/2012/12/makalah-kompetensi-profesional-guru.html>
- Esmali, B., & Sufean, H. (2014). Kompetensi Profesional Guru Sekolah Rendah di Sabah: Satu Tinjauan. *Jurnal Pendidikan*, 34.
- Heinich, R. (1993). *The use of computers in education: A response to streibel*. ETCJ, Vol.36.
- Ibrahim Mamat (1998), *Kepimpinan Sekolah : Teori untuk praktis*. Kuala Lumpur : Percetakan Season Sdn. Bhd.
- Hyvärinen, K., Saaranen, T., & Tossavainen, K. (2015). A Teacher ' s Professional Competence and Occupational Well-being – a Survey for Finnish Health Care Sector Teachers A Teacher ' s Professional Competence and Occupational Well-being – a Survey for Finnish, *ECER 2015, Education and Transition. EUROPEAN EDUCATIONAL RESEARCH ASSOCIATION*. 1–3.
- Kamaruddin Hj Husin. (1995). *Pedagogi Bahasa (Perkaedahan)*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamaruddin Hj Husin. (1997). *Pedagogi Bahasa (Perkaedahan)*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

- Kementerian Pendidikan Malaysia (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013b). *Jaminan kualiti dan prestasi guru ke arah pendidikan bertaraf antarabangsa*. Pembentangan dalam Seminar Kebangsaan Kompetensi Dan Indikator Prestasi Guru Malaysia, Palm Garden Hotel, Putrajaya 27-28 Mei 2013.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). *Panduan Pelaksanaan Program Pembangunan Guru Baharu (PPGB)*.
- Magdeline Anak Nor & Zamri Mahamod. (2014). Penterjemahan Pengetahuan Pedagogi Kandungan Dalam Proses Tindakan Guru Bahasa Iban Baharu Dan Berpengalaman Bukan Opsyen, *Jurnal Pendidikan Malaysia* 39(1)(2014): 37-49
- Magno, C. (2013). Standards of Teacher Competence on Student Assessment in the Philippines, *The Assessment Handbook*, Vol. 10.
- Mohd Rosdi Ismail & Mat Taib Pa. (2006). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Mohammed Sani Ibrahim. et.al. (2015). *Strategi implementasi pelan pembangunan pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Niemi, Hannele. (2011). Educating student teachers to become high quality professionals - a Finnish case - In: *CEPS Journal* 1 (2011) 1, S. 43-66 - URN: urn:nbn:de:0111-opus-60642
- Noor Hisham Md Nawawi. (2011). Pengajaran dan Pembelajaran; Penelitian Semula Konsep-konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden. Kongres Pengajaran dan Pembelajaran, UKM
- Nunan, D. 1999. So you think that language teaching is a profession. Part 1 *Tesol matters*, 9 (4). 1-3.
- Richards, J. C. (2010). Competence and performance in language teaching. *RELC Journal*, 41(2), 101–122. <https://doi.org/10.1177/0033688210372953>
- Rohaya, T. & Mohd Najib, A. G. (2008). Pembinaan dan pengesahan instrumen bagi mengukur tahap literasi pentaksiran guru sekolah menengah di Malaysia. *Seminar Penyelidikan Pendidikan Pasca Ijazah 2008, 25-27 November 2008, Universiti Teknologi Malaysia.*, 109–125.
- Saedah, S., Mohammed Sani, I. (2012). Standard Kompetensi Guru Malaysia. *Kertas Kerja Ini Telah Dibentangkan Dalam Seminar/ ...*, 1–13. Retrieved from http://scholar.google.com/scholar?hl=en&btnG=Search&q=intitle: Pengajaran +Kemahiran+Berpikir+Aras+Tinggi+:+Kesediaan+Guru+Mengendalikan+Proses+Pengajaran+Pembelajaran#0\http://www.medc.com.my/medc/seminar_medc/fromCD/html/159.htm
- Strategi Penilaian Pengembangan Kurikulum Pembelajaran Bahasa Arab*. (12 Julai, 2011). Retrieved from stf081100039: <https://stf081100039.wordpress.com/2011/07/12/strategi-penilaian-pengembangan-kurikulum-pembelajaran-bahasa-arab/>

- Syed Jaafar, S., A. (2014). Kompetensi Guru dalam Pengajaran Amali Teknologi Pembinaan di Kolej Vokasional. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia.
- Wan Azura dan Lubna Abd Rahman. (2005). *Pendekatan dan strategi efektif dalam penguasaan bahasa Arab*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Wichadee, S. 2009. Defining the effective English language teacher: Students' and Teachers' perspectives. In A.M. Stoke (ED), JALT2009 Conference Proceedings. Tokyo: Jalt.27-35.